

## Maybank Currency Exchange

### Soalan Lazim

Question	Answer
Apa itu Maybank Currency Exchange?	<p>Maybank Currency Exchange menawarkan kadar Pertukaran Asing masa nyata yang dihantar secara digital untuk pelanggan memantau, menempah dan melaksanakan transaksi pertukaran asing (FX) dalam talian.</p> <p>Ciri yang disediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Membuat pesanan untuk membeli atau menjual mata wang asing serta-merta</li><li>• Menyesuaikan Senarai Pantauan untuk pemantauan kadar FX</li><li>• Mendapatkan cerapan pasaran melalui Berita dan Carta FX</li><li>• Menyemak dana yang diperlukan untuk membeli mata wang menggunakan Kalkulator Mata Wang</li></ul>
Bilakah waktu perkhidmatan?	Waktu perkhidmatan ialah 24/7 kecuali dalam tempoh penyelenggaraan yang dijadualkan.
Apakah kriteria untuk menggunakan perkhidmatan Maybank Currency Exchange?	Anda perlu mempunyai Maybank Global Access Account-i untuk menggunakan perkhidmatan.
Apakah mata wang yang ada?	Senarai mata wang yang disokong adalah sama dengan mata wang yang ditawarkan dalam Maybank Global Access Account-i.
Berapakah had penukaran maksimum saya setiap hari untuk Maybank Currency Exchange?	Had penukaran bagi setiap transaksi tertakluk pada had yang ditetapkan oleh Bank untuk setiap mata wang dan selanjutnya tertakluk pada had di bawah Dasar Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia (BNM). Apa-apa penukaran yang dikenal pasti sebagai tidak diluluskan oleh Dasar Pertukaran Asing BNM akan ditolak sebelum urus niaga selesai.
Mengapakah beberapa akaun saya tidak dipaparkan dalam senarai "Pindahkan daripada" dan "Pindahkan kepada"	Anda hanya boleh memilih akaun yang aktif. Jika akaun tertentu tidak tersedia, akaun itu berkemungkinan tidak aktif atau dalam kes akaun "Pindahkan daripada", tiada baki. Sila hantar e-mel kepada kami di mgcc@maybank.com.my atau hubungi Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank (MGCC) di 1-



Question	Answer
semasa saya membuat pemindahan?	300-88-6688 atau kunjungi cawangan kami jika anda memerlukan bantuan lanjut.
Bilakah dana akan tersedia dalam akaun?	Dana daripada penukaran mata wang akan tersedia sebaik sahaja transaksi berjaya dilaksanakan.
Di manakah boleh saya menyemak rekod transaksi FX saya?	Klik pada "View Transactions/(Lihat Transaksi)" pada halaman Maybank Global Access Account-i.
Bolehkah saya membatalkan transaksi terdahulu saya?	Setelah pesanan disahkan berjaya, anda tidak akan dapat membalikkan atau memansuhkan transaksi.
Apakah yang berlaku jika saya tidak pasti pesanan saya ditempah?	Anda boleh menyemak transaksi anda dalam "View Transactions/(Lihat Transaksi)" pada halaman Maybank Global Access Account-i. Sebagai alternatif, anda boleh menghantar e-mel kepada kami di mgcc@maybank.com.my atau hubungi Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank (MGCC) di 1-300-88-6688 atau kunjungi cawangan kami.
Mengapakah saya tidak dapat melakukan penukaran mata wang?	Mungkin terdapat beberapa sebab yang membawa kepada kegagalan pesanan. Anda boleh menghantar e-mel kepada kami di alamat: mgcc@maybank.com.my atau menghubungi Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank (MGCC) dengan mendail: 1-300-88-6688 atau datang ke cawangan kami jika insiden tersebut berlaku.
Di manakah boleh saya memuat turun resit?	Daripada papan pemuka Maybank Global Access Account-i pada aplikasi MAE, klik pada "View Transaction/(Lihat Transaksi)" dan pilih "M2u History/(Sejarah M2u)" daripada senarai lungsur turun "Transactions History/(Sejarah Transaksi)" untuk memuat turun resit.
Adakah terdapat apa-apa pengisyiharan atau peraturan yang perlu saya patuhi untuk melakukan transaksi menggunakan Maybank Currency Exchange?	Apabila anda memasuki skrin pesanan untuk kali pertama, anda akan digesa untuk mengakui Terma dan Syarat yang mengawal perkhidmatan Maybank Currency Exchange sebelum pelaksanaan. Anda juga akan tertakluk pada Dasar Pertukaran Asing BNM dan akan dikehendaki mengakui perkara yang sama sebelum anda meneruskan tempahan pesanan.
Bolehkah saya menukar dan mengkreditkan mata	Penukaran mata wang asing dibenarkan dalam Maybank Global Access Account-i anda sendiri dan juga antara

<b>Question</b>	<b>Answer</b>
wang kepada akaun pihak ketiga?	Maybank Global Access Account-i anda dan Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i anda. Anda boleh melaksanakan pemindahan ke akaun pihak ketiga selepas mata wang asing yang ditukar dikreditkan ke Maybank Global Access Account-i anda.
Bolehkah saya menukar daripada satu mata wang asing kepada mata wang asing yang lain?	Anda dibenarkan menukar satu mata wang asing yang disokong kepada mata wang asing lain yang disokong.
Adakah kadar pertukaran indikatif yang disebut pada skrin pesanan ialah kadar transaksi terakhir?	Kadar pertukaran yang disebut pada skrin pesanan hanyalah kadar indikatif. Anda perlu mengklik "Next/(Seterusnya)" dan kemudian "Get Quote/(Dapatkan Sebut Harga)" untuk pergi ke halaman pengesahan. Kadar akhir dipaparkan pada halaman pengesahan.